

08 OCT 1997

Parlimen-Mahathir (MAS)

TAJUDIN BUKAN NAK JUAL BALIK MAS KEPADA KERAJAAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli telah menyatakan kesediaan MAS untuk membantu kerajaan dalam menghadapi kejatuhan ringgit, bukan untuk menjual balik MAS kepada kerajaan.

"Saya telah terima surat daripada Tajudin Ramli dan apa yang dikatakannya ialah dalam keadaan kecemasan ini (kejatuhan ringgit) MAS sedia menyerahkan pendapatan syarikat penerbangan itu kepada kerajaan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian sebagai merujuk kepada dakwaan anggota pembangkang Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) sebelum itu bahawa Tajudin akan menjual balik MAS kepada kerajaan.

Lim membuat dakwaan itu pada sesi soal jawab semasa mengemukakan soalan tambahan kepada Perdana Menteri mengenai kesan kejatuhan ringgit di negara ini.

"Inilah tawaran daripada Tajudin dan berbeza dengan kenyataan anggota Kota Melaka," kata Dr Mahathir.

"Dia (Tajudin) orang yang besar hati, yang nak tolong kerajaan. Janganlah kita kata kepada dia bahawa dia sudah rasa MAS nak rugi, dengan itu dia nak serahkan (MAS) kepada kerajaan. Dia tak kata demikian, saya ada suratnya."

Dr Mahathir berkata mungkin pendapatan MAS dalam bentuk wang asing boleh digunakan oleh kerajaan dalam usaha untuk melawan peniaga mata wang yang menjatuhkan nilai ringgit.

"Ini kerana MAS mempunyai urusan luar negeri dan dibayar dalam mata wang asing, maka wang itu boleh digunakan oleh kerajaan untuk membeli balik ringgit supaya harga ringgit tidak jatuh," katanya. -- BERNAMA

NZ NMO